



DR Zaki (kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Pengarah Eksekutif MASSB Abdul Shukor Mohd Sultan sambil disaksikan Md Azar (dua dari kanan) dan Dr Hilmi (dua dari kiri), baru-baru ini.

Bantu pesakit ginjal

Petaling Jaya: Medical Apparatus Supplies Sdn Bhd (MASSB) menyumbangkan 2,800 bekas sisa klinikal bernilai RM130,000 kepada Yayasan Kebangsaan Buah Pinggang Malaysia (NKF), di sini, baru-baru ini.

Bekas berkenaan akan ditempatkan di 28 pusat dialisis di seluruh negara untuk kegunaan 1,500 pesakit buah pinggang.

Sumbangan disampaikan Pengarah Kanan MASSB Md Azar Ismail kepada Pengerusi NKF Datuk Dr Zaki Morad Mohd Zaher sambil disaksikan Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya.

Sementara itu, Md Azar

berkata, sumbangan bekas sisa berkenaan akan dapat membantu pusat dialisis berkenaan menguruskan sisa buangan perubatan selepas dikesan pesakit buah pinggang meningkat setiap setahun.

“Ini adalah salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh MASSB bagi memudahkan usaha NKF untuk membantu penghidap buah pinggang.

“Atas kesedaran itu, kami menyumbang untuk membantu meringankan beban NKF,” katanya pada majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di Ibu Pejabat NKF di sini, Selasa lalu.